

Wujud badan susun hukum Islam

BANGI, Sabtu — Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud, mencadangkan ditubuh badan bertugas bagi menyusun undang-undang Islam untuk dilaksanakan.

Katanya, ada pihak yang bimbang terhadap pelaksanaan undang-undang Islam

yang mungkin akan menggugat kepentingan orang-orang tertentu, dan kepentingan negara.

Hal ini tidak seharusnya timbul, kerana Islam memberikan peruntukan yang adil kepada semua pihak," katanya sewaktu berucap merasmikan Seminar Perundangan Islam.

anjaran Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini hari ini.

Menurut Datuk Dr. Sulaiman, dengan keadilan Allah semestinya tidak ada orang yang akan dizalimi dalam undang-undang Islam malahan sejarah membuktikan betapa keadilan Islam telah dinikmati oleh orang-orang asing dalam negara Islam terdahulu.

Bellau berkata, undang-undang Islam secara menyeluruh telah diamalkan di dunia sejak tahun 622 Masihi hingga 1924 Masihi — selama 13 abad.

Khidmatnya kepada masyarakat manusia penuh adil dan saksama sebagaimana yang dibuktikan oleh pengkaji beragama Kristian, T.W. Arnold dalam bukunya 'The Preaching of Islam'.

Bagaimanapun, jelas beliau, tahun 1924 adalah tahun malang bagi Syariah Islam. Di tahun inilah Mustafa Kamal Ataturk mengistiharkan perubahan undang-undang negara Turki, dari Syariah Islam ke undang-undang manusia.

Datuk Dr. Sulaiman berkata, negara-negara Islam yang lahir selepas itu dipengaruhi oleh sis-

tem sekular dalam perundangannya.

Katanya, dengan adanya badan bertugas itu nanti, undang-undang Islam akan dapat disusun secara terperinci dalam Bahasa Kebangsaan mengikut bab dan fasa dalam undang-undang ciptaan.

"Hal ini penting difikirkan ke arah mengwujudkan bentuk undang-undang yang mudah difahami dan dirujuk bagi setiap perkara yang timbul dalam masyarakat Islam," katanya.

Lebih 300 orang, termasuk Wakil-Wakil Rakyat dan pakar-pakar undang-undang menghadiri seminar dua hari itu.

Datuk Dr. Sulaiman menarik perhatian keistimewaan dalam undang-undang Islam yang tersendiri yang tidak akan ada pada undang-undang lain, iaitu unsur immutability (tidak dapat diubah) dan mutability (dapat diubah).

Bagaimanapun, disebabkan kekurangan maklumat di kalangan manusia, maka penumpuan selanjutnya dibuat kepada unsur yang tidak dapat diubah dengan mengambarkannya sebagai sesuatu yang kurang sesuai.

Tetapi, jelas beliau, yang sebenarnya yang tidak boleh diubah itu hanyalah wujud dalam beberapa perkara sahaja dalam hukum qisas dan hudud.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia